

PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBINAAN SAHSIAH PELAJAR: SATU TINJAUAN AWAL TERHADAP GURU PENDIDIKAN ISLAM DI DAERAH MARANG, TERENGGANU

Syafiqah Solehah Ahmad

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
abmadrhuda@gmail.com

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Dewasa ini muncul pelbagai isu mengenai sahsiah pelajar di sekolah yang mendatangkan impak negatif kepada profesion perguruan amnya, dan Guru Pendidikan Islam khususnya. Beberapa kajian lepas menunjukkan pelajar Islam terjebak dengan fenomena gejala sosial, keruntuhan akhlak dan sahsiah yang dikatakan mempunyai kaitan rapat dengan peranan Guru Pendidikan Islam. Rentetan itu artikel ini menganalisis peranan Guru Pendidikan Islam sebagai Murabbi, Mu'allim, Muaddib, Mudarris dan Mursyid dan golongan yang dapat menjadi '*role model*' serta contoh keperibadian mulia dalam kalangan pelajar. Di samping itu, perbincangan turut melibatkan beberapa permasalahan dan cabaran yang timbul dalam merealisasikan peranan mereka untuk membina personaliti dan akhlak pelajar. Satu kajian secara kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan untuk menyokong sorotan literatur berkaitan peranan guru.

Kata kunci: Peranan Guru, Permasalahan Pelajar, Guru Pendidikan Islam, Sahhsiah Pelajar.

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah menetapkan hala tuju dan matlamat Pendidikan Islam ialah untuk membentuk akhlak individu Muslim yang mencakupi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi. Proses pendidikan secara berterusan ini telah digambarkan secara jelas melalui Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Islam sebagai satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri masyarakat, alam sekitar dan Negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

Sehubungan itu, sudah menjadi tanggungjawab setiap pihak khususnya mereka yang terlibat dengan dunia pendidikan untuk memastikan terbentuknya individu Muslim yang mempunyai akhlak dan sahsiah seperti yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Islam. Oleh itu wajah manusia yang ingin dijelmakan sudah tentu merupakan wajah manusia yang indah, berakhlak dan bersahhsiah tinggi. Tajul Ariffin dan Noraini (1992) menyatakan, manusia perlu dibentuk menjadi insan yang baik dan mulia, rakyat yang amanah dan bertanggungjawab serta warganegara yang setia serta bersemangat tinggi. Insan pelajar yang baik ini akan membentuk keluarga yang baik dan seterusnya masyarakat serta bangsa yang baik. Idealisme inilah yang harus diperjuangkan oleh para guru dan pelajar sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Wawasan 2020.

Permasalahan Sahhsiah dan Akhlak Pelajar

Dunia hari ini telah dilakari oleh pelbagai trend dan paradigma kehidupan bentuk baru. Globalisasi telah memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan berakhlak dan bersahhsiah dalam sesebuah masyarakat. Pengaruh dan kesan yang dibawa oleh pelbagai pihak menerusi medium teknologi komunikasi maklumat turut memberi kesan yang besar terhadap sosial masyarakat terutama dalam kalangan remaja yang terdiri dari kalangan pelajar.

Zulfan Nasution (2001) menegaskan, terdapat banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan sahsiah dan akhlak pelajar. Beberapa permasalahan dalam kalangan pelajar yang begitu membimbangkan serta meresahkan ibu bapa dan para guru di sekolah khususnya ialah perubahan terhadap sikap serta tingkah laku mereka yang semakin merosot. Selain itu, turut dikemukakan statistik yang dipetik daripada akhbar Harian Metro (11 Mac 2015) yang melaporkan masalah moral dan akhlak dalam kalangan remaja. Walaupun statistik ini menunjukkan kadar masalah moral dan personaliti dalam kalangan remaja, namun ia turut mewakili majoriti pelajar-pelajar sekolah menengah kerana purata usia mereka juga terdiri daripada golongan remaja. Menurut petikan tersebut, kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan kesalahan juvana meningkat sebanyak 111% dalam tempoh setahun. Berdasarkan petikan Harian Metro, statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013, berbanding 3,700 kes pada tahun 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. Malah angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137% kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Kategori jenayah berat ini dikaitkan dengan remaja di bawah umur berusia antara 12 -17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47% di seluruh negara dan ada di antara mereka terlibat dengan kes bunuh juga rogol.

Para pelajar sekolah yang beragama Islam juga tidak ketinggalan mengalami masalah penyimpangan sosial. Menurut Hasnan Kasan (2002) terdapat beraneka jenis penyimpangan sosial telah dan sedang berlaku dalam kalangan ahli masyarakat Islam umumnya dan para pelajar khususnya. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, arak, seks bebas, budaya lepak, vandalisme, jenayah pecah rumah, mencuri motosikal, merogol, menyamun, membunuh. Asmawati Suhid (2005) memaklumkan fenomena gejala keruntuhan akhlak dan sahsiah dalam kalangan remaja dan para pelajar, secara tidak langsung dikaitkan dengan kualiti Guru Pendidikan Islam. Di dalam penulisan Abdullah Sani Yahya (2005) menyatakan bahawa pengaruh Guru Pendidikan Islam merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perlakuan kurang sopan dalam kalangan murid-murid.

Sehingga tahun 2014, fenomena kegawatan sosial dalam kalangan pelajar masih berleluasa (Jamilah Mohd Noor, 2014). Mohd Anuar Mamat (2016), menegaskan pelbagai isu pendidikan turut dikaitkan dengan persoalan etika dan sahsiah guru pada pelbagai peringkat. Saban tahun kedengaran beberapa kes etika yang melibatkan guru seperti salah laku moral dan gangguan seksual (Berita Harian, 2012), guru penyebab pelajar ponteng sekolah (Berita Harian, 20 September 2013; Zahari, Low Suet Fin, 2014), guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India (Utusan, 3 Januari 2013), guru ditangkap khalwat dalam semak (Sinar Harian, 8 Mac 2013), MARA siasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru (Malaysiakini, 21 Mei 2015), guru dipenjarakan dua tahun kerana memiliki filem lucah dan menyebarkan gambar lucah serta palsu terhadap pimpinan negara (Harian Metro, 20 Julai 2016), guru agama dipenjarakan dua bulan akibat melakukan kelucahan melampau terhadap pelajar (30 Julai 2016), Skim cepat kaya: 5 guru ditahan (Utusan, 6 Ogos 2016) dan sebagainya. Selain itu, masalah etika guru dan suasana kerja guru juga menyumbang kepada beberapa masalah guru yang lain terutamanya guru mendakwa bebanan kerja mereka membawa tekanan perasaan dan mereka hampir tiada masa untuk bersama keluarga (The Star, 21 September 2010).

Penulis menyimpulkan bahawa kesemua isu ini secara langsung atau tidak langsung adalah berkait rapat dengan etika dan akhlak serta keperibadian dan jati diri guru. Isu-Isu yang diutarakan di atas dan permasalahan tersebut dapat diatasi sekiranya jika guru amnya dan Guru Pendidikan Islam khususnya mengamalkan identiti dan akhlak Islam dengan komitmen yang penuh dan menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai qudwah dan ikutan yang baik dalam kehidupan mereka di sekolah dan di luar sekolah.

Sahsiah Menurut Islam

Sebelum melihat dengan lebih jauh mengenai peranan Guru Pendidikan Islam dalam pembinaan sahsiah pelajar, seharusnya dilihat terlebih dahulu dengan lebih mendalam mengenai sahsiah itu sendiri. Hal ini kerana, jika tidak difahami apakah maksud sahsiah sebenarnya dan bentuk sahsiah yang bagaimana ingin dibina, pasti sukar juga untuk para guru memahami peranan mereka bagi membina sahsiah pelajar sesuai dan seiring dengan tuntutan Islam.

Menurut al-Qasimi (dalam Ahmad Mokhtar ‘Umar Muhyi al-Din Sobir, 1989), sahsiah merupakan kalimah Arab daripada kata dasar (شخص) yang bermaksud seseorang. Sahsiah memberi maksud sejumlah sifat yang membezakan keperibadiannya dengan yang lain. Kalimah ini telah diguna pakai dengan meluas dalam bahasa Melayu yang bermaksud keperibadian atau akhlak.

Sementara menurut Ibnu Manzur (t.t.) menjelaskan istilah sahsiah berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu shikhas (شخص), shakhus (شخص), shaskhas (شخص), shukhus (شخص) dan shakhis (شخص) yang membawa makna seseorang yang memiliki akhlak mulia. Menurut Dzulkifli Hasanuddin (2004) perkataan sahsiah adalah sinonim dengan perkataan yang berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *character, identity, personality* dan *individuality*.

‘Abd al-Majid ‘Abd al-Rahim (t.t.) menyatakan sahsiah bermaksud peribadi atau keperibadian. Perkataan peribadi bermakna sifat, sikap atau pelakuan pada diri seseorang yang sudah sebatu untuk lahir sebagai watak diri. Justeru itu sahsiah atau peribadi juga adalah kumpulan sifat-sifat pemikiran dan budi, bentuk badan dan kemahuan cita-cita yang menyebabkan mutu diri berbeza daripada yang lain. Sahsiah adalah satu proses mental individu yang menentukan tindak balas tersebut dalam kehidupannya dan ketetapan rasa hati serta perasaan individu. Ianya juga memberi makna kesediaan mental yang tersusun daripada pengalaman yang dapat mempengaruhi tindak balas individu.

Sahsiah juga turut diertikan dengan akhlak yang bermaksud adat kebiasaan, perangai, kehormatan dan agama. Menurut Jamila Saliba (1971) akhlak pada pandangan qudama’ ialah suatu sifat bersih dari jiwa yang dapat melakukan tindak tanduk dengan mudah tanpa memerlukan pandangan atau fikiran serta tiada paksaan. Miqdad Yalchin (1977) mendefinisikan akhlak atau sahsiah sebagai prinsip-prinsip dan dasar atau kaedah yang ditentukan oleh wahyu untuk mengatur perlakuan, membatasi (bentuk) hubungannya dengan orang lain sehingga mencapai matlamat kewujudannya di dunia ini secara yang paling sempurna.

Muhammad al-Hayajinah (1990) pula mendefinisikan sahsiah sebagai kumpulan tingkah laku yang berupa perkataan dan perbuatan seseorang, atau sifat yang zahir yang dilakukan oleh seseorang dalam kehidupannya. Syakhsyiah Islam ialah perbuatan yang zahir daripada orang Islam di mana kesan dan sifat yang dizahirkan itu memberi faedah kepada hukum syarak seperti yang diterangkan oleh al-Qurān dan al-Hadith.

Prof Omar al-Toumi al-Syabani (dipetik daripada Abdul Ghani Shamsuddin, 1989) menukilkan beberapa definisi yang merangkumi makna sahsiah. Sahsiah ialah suatu susunan yang unik berhubung dengan kesediaan seseorang untuk berkelakuan secara tertentu dalam berbagai-bagai situasi atau keadaan. Selain itu, ia adalah suatu struktur pemikiran, keyakinan, kecenderungan nilai dan kebiasaan yang disusun oleh seseorang dalam bentuk peranan atau martabat. Semua aspek tersebut dipergunakan dalam berinteraksi dengan orang lain dan diri sendiri. Sahsiah juga dilihat sebagai keseluruhan sifat dan ciri-ciri diri tersendiri yang membezakan diri seseorang dengan orang lain, sama ada sifat tersebut baik atau buruk serta keseluruhan diri seseorang yang merangkumi sifat fizikal, akal dan akhlak yang menjadi sifat seseorang.

Menurut Ahmad Umar Hashim (1997) pula, sahsiah dalam Islam bermaksud sahsiah yang merdeka, bebas dan mantap tanpa terikat atau menerima sebarang perubahan yang berlandaskan tuntutan Islam. Sahsiah yang mantap pasti dapat melahirkan kebenaran terhadap segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Kriteria sahsiah yang sedemikian sukar dipengaruhi oleh anasir-anasir luaran yang negatif seperti adat dan kepercayaan sesebuah masyarakat yang bercanggah dengan kehendak syarak. Selain itu, sahsiah dalam Islam bermaksud peribadi seseorang yang mempunyai nilai kekuatan. Nilai-nilai tersebut berpaksi kepada dua elemen iaitu kekuatan iman dan kekuatan fizikal. Sahsiah yang memiliki imān yang mantap sentiasa mendorong seseorang untuk berada dalam kebaikan. Manakala kekuatan fizikal sentiasa mengajak diri berjihad menentang segala kesesatan dan kebatilan dan tidak takut kepada sebarang celaan dan ugutan dalam menegakkan kebenaran.

Menurutnya lagi, sahsiah dalam Islam turut membawa maksud sahsiah yang konsisten dalam bertindak di samping kemantapan akidah. Manakala sahsiah yang mantap itu pula adalah tidak menerima sebarang perubahan sama ada waktu senang atau susah. Perlakuan ibadahnya tersisih daripada sifat-sifat munāfiq dan menjauhi sifat riyak ketika berada di khalayak ramai. Dari segi pekerjaan, mereka sentiasa mengawasi prestasi dan kualiti kerja serta tidak menzalimi orang bawahnya. Selain itu, sahsiah dalam Islam bermaksud sahsiah yang memelihara kehormatan. Kehormatan Muslim wajib dipelihara daripada sebarang anasir kerosakan dan kebinasaan. Oleh itu, mengawasi kehormatan sahsiah sama juga kedudukannya dalam melihat kehormatan harta, maruah dan kemuliaannya.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh para ilmuwan di atas, penulis merumuskan bahawa definisi-definisi tersebut jelas terangkum di dalam ciri-ciri pengertian sahsiah dan saling lengkap melengkapi dalam mendefinisikan maksud sebenar sahsiah itu. Justeru itu penulis berpendapat bahawa kefahaman mengenai sahsiah ialah gambaran peribadi luar individu yang diterjemahkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan hasil daripada penghayatan yang mendalam terhadap pendidikan yang diperolehi. Sahsiah juga berhubung rapat dengan persekitaran dan pengalaman hidup yang dilalui oleh individu yang diikat kukuh dengan motivasi dan penghayatan aktiviti ibadah dalam kehidupan harian.

Penulis turut menyimpulkan bahawa setiap Muslim wajib memahami konsep sahsiah di dalam Islam. Sekiranya nilai sahsiah telah luput di dalam kehidupan sama ada di dalam diri individu, masyarakat atau negara, maka keseluruhan hidup tersebut akan pincang dari landasan Islam. Hakikatnya, masih lagi terdapat dalam kalangan Muslim, mereka yang gagal memahami konsep dan ciri sahsiah ini kerana, mereka mementingkan kehidupan bersahsiah dalam hal-hal tertentu sahaja sedangkan sudut-sudut yang lain terabai. Pengabaian sahsiah dalam aspek tertentu akan menghilangkan kewibawaan dan jati diri seseorang malah merendahkan keperibadian Muslim yang menjadi ukuran kepada keindahan dan kesempurnaan hidup muslim. Sehubungan dengan itu, amat penting bagi para Guru Pendidikan Islam untuk memahami maksud sahsiah ini kerana ia akan memberi kesan bagaimana mereka menjalankan peranan mereka dalam pembinaan sahsiah pelajar pelajar.

Elemen-Elemen Sahsiah dalam Islam

Penulis memberi fokus dalam perbincangan ini kepada elemen-elemen sahsiah kerana ia dapat memberi tasawwur yang menyeluruh dalam mengukur sahsiah seseorang. Secara umumnya ciri-ciri sahsiah dalam Islam bermaksud sahsiah yang merdeka, bebas dan mantap tanpa terikat atau menerima sebarang perubahan yang berlandaskan tuntutan Islam.

Menurut Ahmad Umar Hashim (1997), sahsiah yang mantap pasti dapat melahirkan kebenaran terhadap segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Kriteria sahsiah yang sedemikian sukar dipengaruhi oleh anasir-anasir luaran yang negatif seperti adat dan kepercayaan sesebuah masyarakat yang bercanggah dengan kehendak syarak. Sahsiah dalam Islam juga bermaksud peribadi seseorang yang mempunyai nilai kekuatan. Nilai-nilai tersebut berpaksi kepada dua elemen iaitu

kekuatan iman dan kekuatan fizikal. Sahsiah yang memiliki iman yang mantap sentiasa mendorong seseorang untuk berada dalam kebaikan. Manakala kekuatan fizikal sentiasa mengajak diri berjihad menentang segala kesesatan dan kebatilan dan tidak takut kepada sebarang celaan dan ugutan dalam menegakkan kebenaran.

Ahmad Umar Hashim (1997) menambah, sahsiah Islam ialah sahsiah yang berteraskan kepada akidah, syariah dan akhlak. Akidah Islam yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah Muslim ini akan melahirkan manusia yang beramal, beristiqamah dan ikhlas. Seterusnya, Syariah Islam bersifat Rabbani yang dicipta oleh Allah SWT terkandung dalam al-Qur'an. al Qur'an merupakan *shifa'* (penawar) dan rahmat kepada seluruh alam. Ia mampu menyembuh sebarang penyakit rohani dan jasmani. Termasuk penyakit sosial umat pada hari ini yang mencabar sahsiah Muslimin. Manakala akhlak iaitu Sahsiah Islam berasaskan kepada akhlak. Pembangunan sahsiah adalah bertitik tolak daripada akhlak yang didasarkan kepada akhlak Islam. Tanpa akhlak sebagai terasnya, maka dengan sendiri pembentukan sahsiah Muslim tidak akan berjaya dalam kehidupan muslim.

Menurut Abdul Ghani Shamsuddin (1989), sahsiah dalam pengertiannya yang umum mengandungi elemen-elemen berikut:

1. Keunikan, ertinya ia berbeza daripada seseorang dengan yang lain.
2. Ia merupakan sifat-sifat waktu kini seseorang yang agak tetap; diperolehi hasil daripada interaksi sosial dengan orang lain.
3. Ia sifat yang *nisbi* (relatif), dalam batas tertentu ia merupakan unsur kekuatan yang ada pada tiap orang.
4. Ia bukannya perlakuan lahiriah seseorang tetapi ialah kesediaan-kesediaan yang terbentuk oleh kebiasaan, ciri dan perwatakan, nilai sentimen, motivasi dan lain-lain.
5. Sahsiah boleh diubah melalui interaksi sosial. Perubahan ini berlaku dengan perlahan-lahan.

Manakala Ahmad Khalil Muhammad al-Qar'an (2005) menyatakan elemen-elemen sahsiah adalah seperti berikut:

1. Mampu memberii pertolongan kepada orang lain.
2. Semangat serta kepercayaan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap tingkah laku manusia.
3. Mampu untuk memberi gambaran dan memajukan hubungan yang bercorak saintifik dan suasana kefahaman yang mesti ada terhadap proses penyeliaan yang bercorak kemasyarakatan.
4. Membuat persediaan untuk bekerja di luar rangka kerja yang ditentukan yang menjadi tanggungjawabnya.
5. Mampu berhukum dengan yang benar dan yang selamat.

Sebagai kesimpulannya, penulis merumuskan bahawa Guru Pendidikan Islam seharusnya memahami konsep sahsiah yang betul sebagaimana yang dimaksudkan oleh Islam serta memahami elemen-elemen sahsiah Muslim unggul yang dibahaskan dalam ilmu sahsiah Islam. Sekiranya sahsiah sudah tidak ada dalam kehidupan seseorang Muslim, masyarakat dan negara, maka sudah pasti akan berlakunya kepincangan dalam segenap kehidupan dan terkeluar dari landasan Islam.

Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Membina Sahsiah Pelajar

Guru memainkan peranan yang amat besar dalam membina sahsiah pelajar. Jika Guru Pendidikan Islam ingin membina sahsiah pelajar, mereka juga seharusnya menterjemahkan maksud sahsiah itu dalam kehidupan mereka dan menjadi contoh sebagai seorang Muslim yang bersahsiah kepada pelajar. Selain itu, Yahya Don (2005) menyatakan guru atau pendidik adalah golongan yang banyak memainkan

peranan penting dalam melaksanakan kurikulum dan mendidik sahsiah diri pelajar. Guru perlu memiliki kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran, menguasai kandungan ilmu dalam mata pelajaran yang diajar, mahir mengaplikasikan teori pertumbuhan dan perkembangan manusia dan berupaya menjadi kaunselor yang baik kepada para pelajar.

Azizi Yahya dan Jaafar Sidek (2005) juga menegaskan, guru perlu memainkan peranan dan tanggungjawab yang luas, bukan setakat untuk mengajar tetapi juga mendidik. Ini adalah kerana personaliti mereka dapat mempengaruhi pembentukan konsep sendiri pelajar serta membantu pelajar membina konsep sendiri mereka. Tambahan pula, menurut Omardin Ashaari (2002), guru turut membentuk sahsiah, sikap, nilai dan akhlak para pelajar melalui pembentukan disiplin yang baik. Dari aspek ini, peranan guru adalah penting kerana guru mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajar yang a mudah terpengaruh dengan tingkah laku serta kata-kata guru mereka.

Menurut Ahmad Khalil Muhammad al-Qar'an (2005) pula, guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik murid-murid di sekolah. Justeru itu peranan dan tanggungjawab guru terhadap keperluan masyarakat ialah mendidik pelajar-pelajar supaya mereka menjadi generasi berilmu pengetahuan, berakhlak, bersahsiah, mulia dan bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan Negara.

Habib Mat Som dan Syed Kamaruzzaman (2016) berpendapat, Guru Pendidikan Islam berperanan menjadi agen pelaksana yang efisien bagi memenuhi matlamat dan misi dasar yang diperkenalkan pihak berwajib dari semasa ke semasa. Dalam konteks pencapaian aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia itu sendiri, komitmen Guru Pendidikan Islam diharapkan dapat:

1. Mencorak minda murid dengan keupayaan berfikir aras tinggi.
2. Menyediakan diri sebagai pembina generasi dan pemimpin spiritual bagi melahirkan pelajar yang mengamalkan etika kerohanian dan beridentiti Muslim dan sebagai warganegara yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini.
3. Melengkapkan murid dengan sikap tanggungjawab pada diri, agama, keluarga, negara dan melahirkan pelajar berkemahiran memimpin.
4. Menyediakan hala tuju yang jelas sebagai insan Muslim yang berjati diri.
5. Membina persekitaran pembelajaran yang kondusif dan seterusnya mendorong pelajar Muslim yang mencintai ilmu pengetahuan dan soleh.
6. Mengadabkan murid.

Standard Guru Malaysia sebagai Satu Usaha untuk Melahirkan Guru ang Berprestasi Tinggi

Mohd Anuar Mamat (2016) menjelaskan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menggiatkan usaha untuk melakukan transformasi terhadap bidang pendidikan termasuklah perihal etika dan nilai dalam sistem pendidikan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia sebagai dokumen yang menjelaskan kualiti para guru. Antara kriteria penting guru yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia termasuklah guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi guru yang professional yang berkesan dalam mendidik para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Tambahan pula dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menjadi dasar kepada proses transformasi pendidikan, espek nilai dan etika perguruan ini juga diberi penekanan.

Berdasarkan penjelasan Bahagian Pendidikan Guru (2009), antara aspek standard yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia ialah Amalan Nilai Profesional Keguruan yang mengandungi tiga domain utama iaitu domain diri, domain profession dan domain sosial. Ketiga-tiga domain tersebut saling berkait antara satu sama lain untuk melahirkan guru yang mempunyai nilai profesional dalam

bidang ini. Domain diri merujuk kepada pegangan nilai diri guru yang sedia ada dan seharusnya dikembangkan supaya guru boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat sistem pendidikan negara. Antara nilai-nilai yang difokuskan dalam domain ini ialah kasih sayang, sabar, amanah, aktif, kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Seterusnya domain profesion yang merujuk kepada nilai yang patut diamalkan secara telus oleh guru dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru yang profesional. Nilai yang ditekankan ialah kecintaan terhadap profesion, berketerampilan, intergiriti, teladan, kreatif dan inovatif. Domain ketiga iaitu domain sosial yang merujuk kepada peranan guru sebagai agen sosialisasi dan penjana modal insan dalam masyarakat. Nilai-nilai utama yang patut diamalkan antaranya keharmonian dan kemahiran sosial.

Kesimpulannya, Standard Guru Malaysia ini jelas menunjukkan keselariannya dengan Falsafah Pendidikan kebangsaan yang telah ditetapkan untuk melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek agar dapat memberi sumbangan kepada semua pihak.

Peranan Guru Pendidikan Islam dalam konteks Menjadi Guru Pendidikan Islam yang Berpersonaliti Unggul

Sebelum melihat kepada peranan Guru Pendidikan Islam dari aspek personaliti, terlebih dahulu kita melihat apakah yang dimaksudkan dengan personaliti. Menurut Azlina Abu Bakar (2002), personaliti merupakan satu perkataan yang sering digunakan apabila menggambarkan diri sendiri dan orang lain. Personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu *persona*, yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh pelakon dalam pementasan drama. Ia juga merujuk kepada pelindung muka atau juga mengeluarkan suara (*personare*). Maksud-maksud ini merujuk kepada penampilan luaran seseorang individu.

Hasil kajian Habibah dan Noran (dipetik daripada Izzah Nor Aida Zur Raffar & Salasiah Hanim Hamsiah, 2015) mendapati pelbagai pandangan tokoh Barat membincangkan tentang personaliti. Antaranya Crow menyebut bahawa personaliti adalah perwatakan fizikal, corak pertuturan dan daya penarik yang dimiliki oleh individu itu sendiri. Manakala Gage dan Berliner menyatakan personaliti adalah segala aspek tingkah laku manusia kerana ia merupakan motif, sikap, pendapat, kepercayaan, pemikiran kognitif, emosi dan ciri-ciri seseorang.

Manakala menurut Gordon W. Allport (1961), tidak ada definisi yang betul dan tidak betul. Ia hanya boleh ditakrifkan dengan cara yang berguna untuk tujuan tertentu. Menurutnya lagi, personaliti adalah sebuah organisasi yang dinamik, mempunyai sistem psikofizikal yang mewujudkan corak karakter dalam tingkah laku, pemikiran dan perasaan seseorang. Pendapat ini disokong oleh Taqiy al-Din al-Nabhani (1994) pula, personaliti adalah suatu yang abstrak untuk diekspresikan. Ia hanya dapat dinilai dan dirasai melalui kesan yang ditimbulkan daripada keperibadian yang ditonjolkan. Justeru, ada yang melihat keperibadian sebagai suatu sifat khas yang dimiliki oleh seseorang yang berbeza daripada orang lain.

Dalam penulisan Ghazali Darusalam (2003), istilah personaliti dalam konteks bahasa Arab dan perspektif Islam pula merujuk kepada sahsiah atau akhlak. Dalam Kamus Dewan Edisi ketiga (2002) mendefinisikan personaliti sebagai keperibadian dan perwatakan. Manakala Ibnu Manzur dalam kitab *Lisan al-Arab* menyatakan personaliti atau dikenali dengan akhlak bermaksud tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang. Manakala Uthman Najati dalam memberikan definisi personaliti beliau menjelaskan bahawa personaliti atau sahsiah bermaksud susunan dinamik dalam diri individu manusia yang menentukan watak tersendiri sewaktu menyesuaikan diri dengan persekitaran. Ia bertindak melibatkan jasmani dan rohani sehingga dapat menentukan keperibadiannya yang berbeza daripada orang lain.

Kesimpulannya, personaliti telah didefinisikan dengan pelbagai definisi dan maksud. Ia merujuk kepada pelbagai aspek dalam diri seseorang sama ada cara berfikir, bertingkah laku, cara memaparkan perasaan

atau emosi mereka, penampilan dan keterampilan seseorang, cara berhubung dan berkomunikasi dan pelbagai lagi. Tiada definisi khusus yang dapat menggambarkan personaliti kerana personaliti seseorang itu dapat dilihat ketika mereka menonjolkan diri mereka kepada orang lain dan ia tidak dikhususkan kepada mana-mana aspek yang ditonjolkan. Oleh itu, sebagai seorang Guru Pendidikan Islam, seharusnya mereka mempunyai personaliti yang baik dan sesuai dengan gelaran mereka sebagai seorang guru.

Menurut Abdul Halim Mat Diah (1989), guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik murid-murid di sekolah. Justeru itu peranan dan tanggungjawab guru terhadap keperluan masyarakat ialah mendidik pelajar-pelajar supaya mereka menjadi generasi berilmu pengetahuan, berakhlak, berpersonaliti mulia dan bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara. Yahya Don (2005) turut menambah dengan menyatakan guru banyak memainkan peranan penting dalam melaksanakan kurikulum dan mendidik sahsiah, personaliti diri pelajar. Menurut Omardin Ashaari (2002), dari aspek ini peranan guru adalah penting kerana dia mempunyai hubungan rapat dengan pelajar mereka. Matlamat akhir ialah membentuk sahsiah, personaliti dan membentuk disiplin sendiri yang baik.

Menurut Abdullah Sani Yahya (2005), dalam beberapa keadaan, guru sendiri dianggap menjadi penyebab kepada personaliti dan kelakuan tidak baik pelajar. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai personaliti yang mampu dicontohi pelajar. Ini turut dikaitkan dengan ramai guru yang mengambil bidang perguruan sebagai pilihan terakhir dan mereka tidak mempunyai minat tulus hendak mengajar. Tidak menjadi kepentingan bagi mereka untuk berkelakuan baik ataupun tidak. Selain itu, terdapat juga guru yang tidak cekap dan menunjukkan sikap yang tidak acuh dalam menjalankan peranan mereka. Sumbangan mereka kepada pembentukan dan pengawalan tata tertib yang baik dalam kalangan murid-murid boleh dikatakan tidak ada sama sekali. Ini kerana mereka mempunyai sikap 'tidak ambil tahu'. Ada pula guru-guru dikatakan tidak mahu berbuat apa-apa bagi mencegah personaliti dan kelakuan tidak baik pelajar supaya mereka tidak dibenci oleh murid kerana ingin menjadi popular di kalangan murid-murid.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2011), kajian dan penyelidikan memperlihatkan tentang kualiti dan personaliti Guru Pendidikan Islam kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam. Agama Islam mengajar para guru untuk menjadi pendidik mengikut ajaran yang terdapat dalam al-Qur'an dan Sunnah namun mereka tidak menggambarkan kualiti seperti yang diinginkan dalam agama. Kualiti yang kurang memuaskan ini berkait rapat dengan personaliti Guru Pendidikan Islam. Rentetan itu, pengkaji menekankan bahawa kualiti personaliti serta sifat keperibadian interpersonal dan intrapersonal yang positif memainkan peranan yang penting untuk individu guru khususnya Guru Pendidikan Islam untuk berada dalam suasana guru yang cemerlang. Ini kerana Guru Pendidikan Islam merupakan golongan yang menjadi kayu ukuran kepada keperibadian contoh Islam dalam kalangan pelajar dan rakan sekerja serta pihak pentadbir. Justeru, mereka tidak boleh lari daripada menghayati keseluruhan sifat serta akhlak yang mulia untuk menjadi guru Islam di khalayak ramai khususnya di sekolah.

Mohd Sani Ibrahim (2002) pula menyenaraikan personaliti guru yang berkualiti, iaitu:

1. Sifat dan personaliti yang baik seperti baik hati, jenaka, sabar, bertanggungjawab, yakin dan berkepimpinan.
2. Sifat dan personaliti yang profesional seperti perasaan ingin tahu, berpengetahuan ikhtisas, suka membaca, dan mahir berkomunikasi, mempunyai daya ingatan yang baik, serta berdaya usaha untuk meningkatkan pengajaran supaya menarik dan berkesan.
3. Sifat dan personaliti yang baik seperti berbudi pekerti, ramah, mesra, merendah diri, semangat berbakti, dan jujur.

Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Hamzah (2009) menjelaskan bahawa Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mempunyai penampilan dan akhlak baik dalam dirinya seperti tidak memperkecilkan kebolehan murid, penyayang, mesra dengan pelajar dan tidak berbohong. Ini menunjukkan bahawa penampilan yang baik dan akhlak yang baik sangat penting dimiliki oleh seorang Guru Pendidikan Islam dan ia dapat dilihat melalui personaliti guru tersebut.

Menurut Ishak (1995), seorang Guru Pendidikan Islam dikatakan mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik apabila mampu menunjukkan sifat-sifat yang ikhlas, bersabar, dan bertutur kata dengan sopan dalam tingkah lakunya. Sifat kasih sayang juga perlu ditunjukkan dalam diri seseorang guru kerana perkara ini dapat membentuk peribadi para pelajar dengan mudah. Sifat kasih sayang yang dimaksudkan adalah mudah mesra dan mendekati pelajarannya dan saling menghormati antara satu sama lain.

Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa Guru Pendidikan Islam hendaklah mempunyai ciri-ciri kualiti yang baik. Khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menjadikan dirinya berpersonaliti tinggi. Antaranya bersemangat, menjalankan pengajaran dengan menarik, suka menampingi pelajar, suka bergaul dengan rakan sejawat, aktif dalam aktiviti sosial menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, mempunyai pengetahuan yang mendalam samada dalam bidang iktisas dan bidang kepakarannya serta mematuhi kod etika dalam menjalankan tugas dalam kerjaya keguruan.

Metodologi Kajian

Hasil daripada perbincangan sebelum ini, telah timbul persoalan tentang sejauh mana Guru Pendidikan Islam dapat memainkan peranan penting dalam pembinaan akhlak pelajar. Melalui dapatan sebelum ini, didapati ramai yang mempertikaikan peranan guru dalam menjaga personaliti khususnya personaliti Guru Pendidikan Islam kerana mereka berpendapat, jika ingin melahirkan pelajar yang berakhlak dan berpersonaliti yang menarik selari dengan matlamat pendidikan, sudah pasti guru tersebut menunjukkan personaliti yang baik. Justeru itu, penyelidik telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan Pembentukan Akhlak Pelajar pada masa kini.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan daerah Marang.
2. Mengenal pasti pengamalan akhlak di kalangan pelajar di sekolah menengah kebangsaan daerah Marang.
3. Mengkaji sejauh mana personaliti Guru Pendidikan Islam mempengaruhi akhlak pelajar.

Rekabentuk Kajian

Idris Awang (2009) menerangkan, penyelidikan kuantitatif adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka seperti jumlah, bilangan, peratus atau nilai-nilai tertentu. Pengumpulan data kuantitatif ini akan melibatkan proses perhitungan. Antaranya ialah dengan mengambil kira data melalui soal selidik yang disediakan atau proses perumusan daripada laporan-laporan berkaitan. Analisis dibuat dengan mengambil kira bilangan, peratus atau hasil pelaksanaan pengiran berasaskan formula statistik. Kaedah ini seharusnya bebas daripada kelemahan atau kecacatan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden kerana ia boleh melibatkan ramai responden yang akan menjawab persoalan-persoalan yang ditanya agar hasil yang didapati terkumpul daripada pandangan ramai pelajar.

Sampel Kajian

Seramai 350 orang pelajar Tingkatan 4 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang, Kuala Terengganu telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan seramai 350 orang pelajar ini adalah berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan (1970).


Pengkaji telah memilih untuk menjadikan pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Marang yang telah mengikut pelajaran Pendidikan Islam sebagai sampel. Mereka dipilih kerana pelajar Tingkatan 4 merupakan pelajar yang telah lama menjalani pelajaran Pendidikan Islam bersama dengan Guru Pendidikan Islam dan ia merupakan faktor-faktor pemilihan yang kuat. Mereka telah mengikuti dan dapat menyelami secara lebih jauh akan personaliti Guru Pendidikan Islam memandangkan mereka sudah empat tahun mengikuti kurikulum Pendidikan Islam bersama dengan para guru. Pada mulanya, pengkaji ingin memilih pelajar Tingkatan 5 kerana melihat dari sudut senioriti namun dikhuatiri akan mengganggu perjalanan pelajaran mereka kerana mereka bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, pengkaji telah membina borang soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Pengkaji telah menyenarai pendek konstruk personaliti yang ingin dikaji berdasarkan analisis kajian literatur kepada empat konstruk utama personaliti iaitu penampilan, tingkah laku, komunikasi dan emosi.

Tujuan pengkaji memilih keempat-empat konstruk ini sebagai konstruk penting yang ingin dikaji ataupun dikenali sebagai pemboleh ubah kerana pengkaji mendapati keempat-empat konstruk ini mengandungi ciri-ciri personaliti utama yang ingin dilihat pada seorang Guru Pendidikan Islam dan juga boleh mewakili ciri-ciri akhlak yang ingin dilihat pada pelajar. Keempat-empat konstruk tadi akan dipecahkan kepada beberapa soalan yang mengkaji mengenai ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Ia telah meliputi secara langsung dan tidak langsung aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang perlu ada pada pendidik untuk melahirkan manusia yang seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan sejajar dengan Standard Guru Malaysia dalam usaha untuk melahirkan guru yang mempunyai standard yang tinggi.


Berikut adalah landasan utama pengkaji untuk membina soalan berdasarkan konstruk yang telah dipilih:



Perbincangan Awal Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada soal selidik yang telah diedarkan, pengkaji telah mengenal pasti ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam dan ciri-ciri akhlak pelajar berserta hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Berikut ialah hasilnya:

Personaliti Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang



Jadual 1.1

Jadual di atas menunjukkan nilai min bagi konstruk penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi. Konstruk penampilan menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 4.63 manakala konstruk tingkah laku menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.35.

Soalan-soalan di dalam konstruk penampilan adalah sebanyak 9 item. Nilai min terendah ialah item 13, iaitu memperlihatkan keyakinan dan kepercayaan diri ketika mengajar dengan nilai min 4.45 dan min tertinggi ialah didapati pada item 5 dengan nilai 4.80 iaitu penutupan aurat dengan sempurna. Sementara min-min item yang lain di bawah konstruk penampilan guru masih tinggi iaitu antara 4.45 hingga min 4.80. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan majoriti Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah terpilih mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik berdasarkan konstruk penampilan.

Merujuk kepada penulisan Melvi Yendra dan Miran Rainayati (2007), berdasarkan perspektif Islam, penampilan yang baik dan elok dapat menghindarkan diri daripada melakukan dosa dan difitnah. Dapatan awal kajian ini menunjukkan para Guru Pendidikan Islam bukan sekadar menjaga penampilan mereka bahkan dapat menghindarkan diri mereka daripada menjadi bahan bualan dan punca kepada pandangan serong masyarakat terhadap Guru Pendidikan Islam. Rentetan itu, mereka seharusnya dijadikan contoh kepada guru lain khususnya Guru Pendidikan Islam di daerah lain.

Sebanyak 9 item juga yang disoal dalam konstruk komunikasi. Didapati nilai min terendah ialah bagi item 'guru tidak mengaibkan imej pelajar di hadapan pelajar yang lain' dengan nilai 4.27. Manakala min yang tertinggi terdapat pada item no 11 dengan nilai 4.50 iaitu guru beramal dengan nilai-nilai murni. Sementara min-min pada item yang lain masih berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai min 4.01.

Ini menunjukkan bahawa responden memberikan pandangan yang positif tentang ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam yang merujuk kepada aspek komunikasi. Ini kerana kesemua item-item yang mewakili ciri-ciri komunikasi Guru Pendidikan Islam yang baik mendapat jumlah min yang melebihi 4.0. Namun, jika dibandingkan dengan ciri-ciri penampilan Guru Pendidikan Islam, berlaku peningkatan dalam ruangan 'kurang setuju'. Ia mungkin berlaku berikutan faktor komunikasi sehalu dan dua hala yang mempunyai masalah seperti kurang persefahaman, guru atau pelajar tidak berkomunikasi dengan baik antara satu sama lain dan lain-lain faktor.

Ahmad Zabidi (dipetik dalam Siti Salha, 2003) dalam kajiannya menentukan ciri penting iklim Sekolah Menengah Agama berkesan dan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. Salah satu dapatan kajiannya menunjukkan pengetua sering mengamalkan komunikasi terbuka di dalam pergaulan dengan

guru dan pelajar. Sikap pengetua yang mudah berkomunikasi dan bergaul ini memudahkan setiap warga sekolah dan mereka berani untuk berbincang apa jua masalah yang timbul agar dapat diselesaikan dalam suasana yang saling bekerjasama dan aman. Kewujudan suasana seperti ini mengurangkan rasa tekanan dan membantu meningkatkan motivasi kepada guru untuk melaksanakan tugas pada tahap yang terbaik. Ini menunjukkan komunikasi merupakan aspek penting dan menjadi alat perhubungan yang sangat penting untuk menyampaikan sesuatu perkara disamping dapat meningkatkan motivasi seseorang. Konsep komunikasi yang berkesan perlu difahami oleh Guru Pendidikan Islam dan dipraktikkan agar wujud persefahaman serta dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam menuntut ilmu.


Bagi konstruk tingkah laku, sebanyak 9 item juga yang telah disenaraikan di dalam borang soal selidik. Nilai min yang tertinggi ialah item No 3 iaitu pernyataan guru bersungguh-sungguh dan berdedikasi melaksanakan tugas mereka. Nilai min yang dicatat ialah 4.49. Manakala item 'memasuki kelas tepat pada waktunya' menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.11. Sementara nilai min item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi 4.01 dengan purata min secara keseluruhannya ialah 4.35 dan merupakan nilai min terendah berbanding konstruk lain.

Skor min bagi item-item yang merujuk kepada ciri-ciri personaliti dalam aspek emosi guru ialah 4.41. Sebanyak 10 item yang telah disenaraikan untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti Guru Pendidikan Islam dalam konteks emosi. Didapati min yang terendah bagi konstruk emosi ialah item no 37 iaitu 'guru tidak cepat marah apabila pelajar tidak memberikan kerjasama dengan baik.' Manakala didapati min yang tertinggi ialah 4.53 item no 12 'guru menunjukkan keikhlasan dalam menyampaikan pelajaran'. Sementara min-min item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai 4.01.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru yang mengamalkan tingkah laku beradab akan lebih disukai oleh pelajar (Khalif Musa & Hariza Abd Halim, 2015). Seorang guru yang memiliki personaliti menarik seperti mudah mesra, penyayang, mengambil berat, perihatin dan pandai bergurau akan lebih suka didampingi oleh pelajar. Guru yang menepati masa menghadiri kelas, sabar dalam menyampaikan pengajaran, tertib dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan berkeyakinan tinggi akan disukai dan lebih dihormati oleh pelajar. Oleh itu, untuk menjadi guru yang dihormati agar para pelajar, Guru Pendidikan Islam mesti menjaga tingkah laku dan mengawal emosi mereka ketika berhadapan dengan para pelajar.

Kesimpulannya, hasil awal kajian yang dilihat berdasarkan Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally, 1994), kesemua konstruk menunjukkan Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu mempunyai nilai interpertasi yang tinggi dan secara lansung menggambarkan guru-guru tersebut mempunyai personaliti yang baik dan selari dengan tuntutan Bahagian Pendidikan Guru serta Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini penting kerana, berdasarkan dapatan oleh Jawati Juhari, kajiannya mendapati 42% orang murid sentiasa memerhatikan personaliti dan identiti guru seperti cara guru berjalan, makan dan bercakap. Oleh itu, guru perlulah sentiasa menunjukkan sahsiah dan penampilan yang baik kerana mereka sentiasa diperhatikan oleh pelajar dan mereka turut menjadi role model keada para pelajar dalam menjalani kehidupan seharian.

Akhlak Pelajar-pelajar Tingkatan 4 di Daerah Marang



Jadual 1.2

Jadual di atas menunjukkan nilai min bagi konstruk penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi di bawah ciri-ciri pengamalan akhlak pelajar. Konstruk tingkah laku dan emosi menunjukkan nilai min paling tinggi dengan nilainya yang sama iaitu 4.43 manakala konstruk komunikasi menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.30.

8 item telah disenaraikan dibawah konteks penampilan pelajar untuk menilai ciri-ciri pengamalan akhlak pelajar. Hasil data didapati min terendah adalah 4.13 iaitu item No 9 iaitu memastikan diri pelajar sentiasa yakin ketika berhadapan dengan orang ramai. Manakala nilai min tertinggi ialah pada item no 1 iaitu berpakaian kemas ketika menghadiri sekolah dan item no 17 iaitu memastikan pakaian sentiasa wangi dan tidak berbau dengan catatan nilai min 4.59. Item-item lain menunjukkan para pelajar di sekolah-sekolah Daerah Marang mempunyai akhlak yang baik dari konteks penampilan.

Sebanyak 8 soalan telah dikemukakan dibawah konteks komunikasi untuk mengenal pasti ciri-ciri pengamalan akhlak pelajar. Merujuk kepada item-item dibawah konteks komunikasi, didapati skor min terendah ialah item no 10 dengan catatan nilai min 4.18 iaitu pelajar tidak berbohong apabila bercakap dengan guru dan rakan. Manakala min tertinggi ialah bagi item No 30 dengan nilai min 4.47 iaitu pelajar menghargai usaha rakan-rakan dan tidak mengadu domba. Sementara min-min yang lain di bawah konstruk komunikasi masih tinggi ialah melebihi 4.01.

Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min terendah bagi konstruk tingkah laku ialah 4.36 , iaitu pada item no 3, 'pelajar menjaga adab dan batas pergaulan di sekolah'. Sementara min tertinggi ialah 4.62 item no 32 menghargai pertolongan daripada orang lain.

Nilai min purata bagi konstruk terakhir iaitu emosi adalah sebanyak 4.43. Didapati nilai min yang tertinggi ialah item No 12 iaitu 'pelajar bersyukur kepada Allah apabila berjaya dalam peperiksaan berusaha serta bertawakkal kepada Allah apabila mencapai keputusan yang tidak di harapkan' dengan catatan nilai min 4.74. Manakala min yang terendah ialah 4.22 iaitu pada item no 4 dengan pernyataan 'mengamalkan sifat sabar dalam menjalankan tugas harian'. Sementara min-min yang lain berada pada tahap tinggi iaitu melebihi nilai 4.01.

Kesimpulannya, hasil awal kajian yang dilihat, didapati kesemua konstruk menunjukkan para responden pelajar di Daerah Marang, Terengganu mempunyai nilai interpertasi yang tinggi dan secara langsung menunjukkan para pelajar tersebut mempunyai pengamalan akhlak yang baik. Jika dilihat secara


keseluruhannya, ia mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang seimbang dari pelbagai aspek.

Hubungan di antara Personaliti Guru Pendidikan Islam dan Akhlak Pelajar di Daerah Marang

Bagi melihat hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar, pengkaji telah menjadikan jadual korelasi Pearson sebagai penanda aras untuk menentukan kekuatan hubungan di antara kedua-duanya. Berikut adalah jadual korelasi Pearson yang digunakan:

Nilai Mutlak	Kekuatan Hubungan
Kurang 0.2	Amat Lemah
0.21-0.4	Lemah
0.41-0.6	Sederhana Kuat
0.61-0.8	Kuat
0.81-1.00	Amat Kuat

Jadual 1.3



Jadual 1.4

Jadual di atas menunjukkan nilai korelasi bagi setiap konstruk serta nilai korelasi keseluruhan bagi personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Hasil dapatan menunjukkan nilai korelasi r bagi penampilan guru dan penampilan pelajar ialah 0.409. Berdasarkan jadual korelasi Pearson, hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dalam konteks penampilan adalah sederhana kuat. Hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dalam konteks komunikasi juga turut memaparkan nilai korelasi yang sederhana kuat iaitu pada nilai 0.414.

Bagi konteks tingkah laku dan emosi, kedua-duanya mencatat nilai korelasi yang menunjukkan hubungan yang lemah iaitu masing-masing pada nilai 0.366 dan 0.383. Ini menunjukkan wujud hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar dari konteks tingkah laku dan emosi namun, hubungannya lemah dan tidak menjadi sandaran yang kuat untuk mengaitkan personaliti Guru Pendidikan Islam memberi kesan kepada akhlak pelajar.

Dapatan awal kajian ini menunjukkan wujud hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar. Namun hubungannya berada di tahap sederhana kuat dan lemah bergantung kepada konstruk-konstruk tertentu. Kajian khusus yang melibatkan hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar berdasarkan kepada empat konteks yang dikaji masih belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji sebelum ini.

Namun, wujud pandangan dan kajian terhadap personaliti secara umum terhadap Guru Pendidikan Islam dan pengaruhnya terhadap akhlak serta peribadi pelajar. Antaranya, dalam buku bertajuk “Mengurus Disiplin Pelajar” karya Abdullah Sani Yahya (2005) menegaskan bahawa dalam beberapa keadaan, guru sendiri dianggap menjadi penyebab kepada personaliti dan kelakuan tidak baik pelajar. Ini turut disokong oleh Kamarul Azmi Jasmi (2009) yang menjelaskan bahawa sifat mudah mesra dan akrab dengan pelajar juga adalah ciri personaliti Guru Pendidikan Islam (GPI) yang dapat membawa kepada pembentukan peribadi pelajar itu. Begitu juga personaliti guru yang menyampaikan pengajaran mereka dengan penuh kasih sayang serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah akan mudah memberikan kesan terhadap pembentukan peribadi mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang dijalankan di Daerah Marang ini bertentangan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Mucella Ulug, Melis Seray Ozden dan Ahu Fryilmaz (2011), yang mendapati bahawa 88.3% responden bersetuju bahawa sikap guru yang positif akan memberikan kesan yang positif terhadap sikap pelajar. Ini mungkin disebabkan beberapa faktor kajian seperti kawasan kajian, sosioekonomi pelajar serta sistem pendidikan yang diterapkan. Namun, hasil kajian yang dijalankan terhadap Guru Pendidikan Islam ini didapati selari dengan kajian yang dibuat oleh Marzuki Ngah (2005). Beliau menjelaskan bahawa ciri-ciri personaliti pensyarah yang boleh mempengaruhi pelajar adalah berakhlak baik dengan peratusan sebanyak 56.67%. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian di Daerah Marang adalah selari dengan kajian oleh Marzuki Ngah (2005). Guru atau warga pendidik bukanlah faktor utama atau dominan dalam mempengaruhi akhlak pelajar mereka. Peratusan hubungan di antara personaliti guru dan akhlak pelajar hanyalah bersifat sederhana.

Pengkaji tidak menafikan bahawa perbezaan hasil kajian sebelum ini mungkin disebabkan berlakunya proses perubahan zaman serta mentaliti pelajar pada zaman sebelumnya, kerana kajian membuktikan pengaruh persekitaran seperti sekolah, rumah dan rakan sebaya boleh memberi kesan kepada pembentukan sikap dan sahsiah pelajar (Dzulkifli Hasanuddin, 2004).

Pendapat ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Sharifah Raudhah Syed Junid (2007). Kajian beliau menunjukkan bahawa punca masalah salah laku pelajar dalam konteks pembentukan personaliti adalah bertitik tolak daripada peranan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor iklim sekolah termasuklah sikap guru. Selanjutnya beliau menegaskan bahawa seseorang remaja memerlukan nilai-nilai personaliti yang positif bagi menghadapi fenomena perubahan masa yang makin mencabar. Ini menunjukkan wujud pelbagai faktor yang membawa dan mendorong kepada perubahan peribadi dan akhlak seseorang pelajar.

Kesimpulannya, walaupun hasil awal kajian ini mendapati personaliti Guru Pendidikan Islam bukanlah punca utama kepada pembentukan akhlak pelajar, namun tidak dinafikan dalam sesetengah keadaan atau ciri-ciri personaliti yang tertentu, ia memberi kesan kepada para pelajar. Tambahan pula Guru Pendidikan Islam sering kali dikaitkan sebagai role model kepada pelajar.

Kesimpulan

Sejak akhir-akhir ini khususnya pada abad alaf baru ini, terdapat pelbagai isu mengenai sahsiah pelajar di sekolah yang menggambarkan bahawa pelajar-pelajar di sekolah terjebak dengan keruntuhan akhlak dan sekaligus mereka terpesorok jauh kepada kerosakan akhlak dan moral yang cukup parah pada hari ini. Islam sangat mengambil berat tentang pendidikan kerana dengan pendidikan ilmu-ilmu dalam Islam dapat disebarkan secara meluas untuk membangunkan kehidupan dunia dan akhirat. Guru adalah pendidik dan seorang pendidik bukan hanya bertanggungjawab menyampaikan ilmunya kepada murid akan tetapi membentuk keperibadian, sahsiah, pelajar-pelajar di bawah tanggungjawabnya. Justeru itu sebagai seorang guru selaku pendidik, mereka hendaklah menjalankan peranannya dengan sebaik mungkin dengan cuba memahami peranan terlebih dahulu agar mereka tahu landasannya. Antara

peranan penting seorang Guru Pendidikan Islam ialah menonjolkan personaliti yang baik agar ia dapat menjadi contoh teladan kepada murid dan dapat mempengaruhi serta membentuk sahsiah dan personaliti murid dalam menjalani kehidupan dalam erti kata kehidupan bersahsiah dan berpersonaliti yang membanggakan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Guru Pendidikan Islam cukup signifikan dalam usaha membentuk sahsiah pelajar di sekolah. Malah kombinasi Guru Pendidikan Islam dan pelajar membawa kepada implikasi positif kepada pembentukan sahsiah pelajar dan sahsiah yang cemerlang, sahsiah unggul. Namun sejauh mana kekuatan hubungan di antara personaliti Guru Pendidikan Islam dan akhlak pelajar pada masa kini seharusnya dikenal pasti. Hasil awal kajian yang dilakukan ini menunjukkan bahawa hubungan ini berada pada kedudukan yang sederhana kuat dan lemah. Ini menunjukkan Guru Pendidikan Islam bukanlah punca utama atau faktor yang dominan dalam membina akhlak pelajar sebagaimana yang digembar gemburkan bahawa Guru Pendidikan Islam punca kepada pelajar mengalami kemerosotan sama ada dalam akademik ataupun akhlak.

References

- Abdul Ghani Shamsuddin (1989). *Tajdid dalam Pendidikan dan Masyarakat*. Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Halim Mat Diah (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. ABIM.
- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Khalil Muhammad al-Qar'an (n.d.). *Al-Tanjih wa'l-Irshad al-Tarbawi*. Dar al-Isra' li'l-Nashr wa'l-Tawzi'.
- Ahmad Umar Hashim (1997). *Al-Islam wa Bina' al-Shakhsyiyah*. World of Books.
- Asmawati Suhid (2005). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6, 95-104.
- Azizi Yahya & Jaafar Sidik Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azlina Abu Bakar @ Mohd (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Karisma Publications Sdn Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dzulkifli Hasanuddin (2004). Sahsiah Pelajar Kelas Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama di Sek Men Seremban, Negeri Sembilan. (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ghazali Darusalam (2003). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Gordon W. Allport (1961). *Pattern and Growth in Personality*. Holt, Rinehart and Winston.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman Syed Ali (2016). Isu dan Cabaran Kompetensi Guru Pendidikan Islam dalam Menghadapi Perubahan Kurikulum di Malaysia. (Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrrasah), 20 & 21 Oktober 2016, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Hasnan Kasan (2002). Penyimpangan Sosial dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Malaysia: Satu Penilaian Menurut Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2).
- Ibnu Manzur (n.d.). *Lisan al-'Arab*. Dar al-Ma'rifah.
- Idris Awang (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Kamil & Shakir Sdn Bhd.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanim Hamsiah (2015). Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. *GJAT*, 15(2), 89-97.
- Jamil Saliba (1971). *Al-Mu'jam al-Falsafi*. Dar al-Kitab.
- Jamilah Mohd Nor (2014). *Keberkesanan Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban, Negeri Sembilan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi (2009). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sek. Men. di Malaysia: Satu Kajian Kes. (Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

- Kamarul Azmi Jasmi (2011). Pendidikan Islam: Cabaran Alaf Baru. (Seminar Pendidikan Islam Madrasah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Mohd Hamzah (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCP) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). *Standard Guru Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Musa & Hariza Abd Halim (2015). Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2).
- Marzuki Ngah (2005). *Persepsi Pelajar KPLI Maktab Perguruan Kuala Terengganu Terhadap Personaliti Pensyarah Maktab Kuala Terengganu: Kajian Penyelidikan Maktab Perguruan Kuala Terengganu*. Maktab Perguruan Kuala Terengganu.
- Melvi Yendra & Miran Rainayati (2007). *Ensiklopedia Untuk Anak-anak Muslim*. Grasindo.
- Miqdad Yalchin (n.d.). *Al-Tarbiyyah al-Akhlaiyyah al-Islamiyyah*. Maktabah al-Khanji.
- Mohd Anuar Mamat *et.al.* (2016). Isu dan Keperluan Etika Profesion Perguruan Islam (EPPD): Satu Kajian Awal Berdasarkan Pandangan Pakar. (Seminar Antarabangsa Pemerkasaaan Pendidikan Islam (Madrasah), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Mucella Ulug, Melis Seray & Ahu Fryilmaz (2011). The Effect of Teacher's Attitued on Students' Personality and Performance. *Procedia-Science and Behavioral Science*, 30.
- Muhammad al-Hayajinah (1990). *Mafahim Asasiyyah fi al-Tarbiyah wa'l-Ijtima'iyah*. Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Omardin Ashaari (2002). *Pengurusan Sekolah: Suatu Panduan Lengkap*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychologist Measurement.
- Sharifah Raudhah Syed Junid (2007). Faktor yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar dan Hubungan dengan Persoaliti Pelajar. (Laporan Projek Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia).
- Siti Salha Mahmud @ Sanusi (2003). Gaya Komunikasi Pengetua dari Perspektif Guru-guru. (Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Tajul Ariffin & Noraini (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah Perguruan dan Persekolahan*. Arena Ilmu Sdn Bhd.
- Taqiy al-Din al-Nabhani (1994). *Al-Shakhsyyah al-Islamiyyah*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Zulfan Nasution (2001). *Menangani Masalah Remaja Islam*. Al-Hidayah Publications.